

# **KE ARAH PENYELARASAN PARAMETER DAN DEFINISI TERMINOLOGI UTAMA SEKTOR PERHUTANAN DI MALAYSIA**

**FSM Ashray<sup>1</sup>, CK Chan<sup>1</sup>, MW Othman<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> *Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (MALAYSIA)*

*E-mel: farrah.ashray@ketsa.gov.my, chan@ketsa.gov.my, wahyudi@ketsa.gov.my*

## **Abstrak**

Parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan yang diguna pakai oleh ketiga-tiga wilayah (Semenanjung, Sabah dan Sarawak) pada asasnya adalah berdasarkan definisi yang telah digunakan di bawah *United Nations Food and Agriculture Organization* (FAO). Pada masa ini, Malaysia tidak pernah mempunyai parameter dan definisi terminologi sektor perhutanan yang sama dan seragam yang digunakan oleh ketiga-tiga wilayah. Selaras dengan peningkatan permintaan terhadap pelaporan bagi data-data hutan tertentu daripada pelbagai pihak berkepentingan serta perkembangan yang berlaku dalam sektor perhutanan negara, baik di peringkat nasional maupun antarabangsa, terdapat keperluan di mana parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan yang digunakan di Malaysia diselaraskan dengan mencakupi kehendak dan kepentingan ketiga-tiga wilayah; Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan usaha yang dilaksanakan dalam menyelaraskan penggunaan parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan di Malaysia yang sama dan seragam oleh ketiga-tiga wilayah bagi tujuan pelaporan data hutan nasional.

Kata Kunci: parameter, definisi, terminologi perhutanan